



MOULDING
A QURANIC
GENERATION



GEN•Q
GENERASI AL-QURAN

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Dengan Nama Allah yang
Maha Pengasih lagi Maha Penyayang



Basmalah...
Peta Perjalanan Ibadah

Setiap kali apabila Kitab Suci Al-Quran dibuka, kita akan bertemu dengannya. Saban waktu bila kita hendak memulakan makan, kita mengucapkannya. Acapkali ketika kita mula memasuki rumah, dan sebelum merebahkan badan kepenatan, kita menyebutnya. Begitulah yang sering kita lakukan dalam setiap perkara.

Dialah Basmalah. Dialah ungkapan “**Bismillah**”. Dialah yang mewarnakan amal harian kita, dari hanya tindakan lumrah kepada sebuah Ibadah. Dari sekadar adat kepada sebuah Ibadat.



Bismillahir Rahmanir Rahim

Ustaz Jazair Jummat

Pegawai Kanan Agama Masjid
Ketua Jabatan Penglibatan Masyarakat
Masjid Kampung Siglap



Kitab Suci Al-Quran bermula dengan Surah Al-Fatihah dan Al-Fatihah bermula dengan "Bismillah". Nabi Kesayangan kita Nabi Muhammad saw ketika mematrai Perjanjian Damai Al-Hudaibiyah pada tahun Keenam Hijriah, meminta Saiyidina Ali bin Abi Talib memulakan MOU itu dengan "Bismillah". Bahkan, surat Nabi Sulaiman yang diutuskan kepada Balqis untuk mengajak kepada beriman dengan Tuhan Yang bersifat Maha Penyayang bermula dengan Basmalah (lihat surah An-Naml: 30).

01

Persoalannya, mengapa setiap pekerjaan perlu dimulakan "Dengan Nama Allah"? Mengapa setiap ucapan perlu didahului dengan Basmalah?

Agar mendapat keberkatan Allah.

كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَمْ يُبَدَأْ بِبِسْمِ اللَّهِ فَهُوَ أقطع

"Setiap perkara yang dilakukan oleh manusia yang tidak dimulakan dengan "Bismillah" maka ia terputus (dari keberkatan Allah)"

(Riwayat Bukhari, Muslim dan Sunan AsSittah)

Mengharap keberkatan adalah penting bagi setiap amal. Dengan keberkatan Allah, kita beroleh keredhaan, kebahagiaan, sukses dalam apa yang direncanakan, mencapai matlamat yang diinginkan, mengandungi manfaat yang boleh diperkongsikan dan kepuasan dalam apa yang dilakukan!

Agar pekerjaan yang dilakukan, dapat dilaksanakan dengan ikhlas dari awal hingga akhirnya.

Terkadang apabila kita melakukan suatu pekerjaan, niat yang ikhlas dijadikan sandaran. Namun, keikhlasan itu terkadang pudar dan menghilang di pertengahannya lantaran bosan, "tersimbah" ujian atau perjalanan yang panjang untuk sampai ke penghujung. Syaitan sering mengintai-intai peluang untuk menjadikan amal kita yang ikhlas di permulaannya itu akhirnya tiada nilainya di sisi Allah.

02

Seterusnya, mengapa pula Ar-Rahman dan Ar-Rahim terganding dalam Basmalah sedangkan Allah mempunyai pelbagai nama dan sifat-sifat lain yang cukup sempurna?

Ar-Rahman dan Ar-Rahim berakar-kata dari RAHMAT, iaitu kasih dan sayang, sama ada khusus untuk orang-orang yang beriman (Al-Ahzab: 43) ataupun umum untuk mereka yang beriman mahupun yang ingkar (Maryam: 75).

Kerana RAHMAT Allah:

- Ashabul Kahfi ditidurkan dan diselamatkan aqidah mereka (Al-Kahfi: 10).
- Nabi Hud dan mereka yang beriman dengannya terselamat dari bencana yang tidak terperi sakitnya! (Al-A'raf: 72)
- Nabi Syuaib dan orang-orang yang mendukung dakwahnya terselamat dari azab letusan suara yang mematikan setiap insan yang bernyawa (Hud: 94).
- Taurat diturunkan (Hud: 17) dan Al-Quran difirmankan (Yunus: 57)

03

Lalu, mengapa sifat RAHMAT ini diutamakan dan Maha Pengasih الرَّحْمَنُ serta Maha Penyayang الرَّحِيمُ diulang-ulang?

Kerana sifat RAHMAT Allah merangkumi dan tersemat di balik sifat-sifat lain!

Memang, tidak dapat dinafikan, termuat dalam Al-Quran ayat-ayat yang menggambarkan Allah SWT memperkenalkan diri-Nya sebagai gagah, perkasa, lembut bertindak-balas, tetapi, kesemua sifat-sifat sempurna Allah ini tertunggak di atas dasar sifat RAHMAT Allah.

Allah menghukum Fir'aun adalah bersebab RAHMAT Allah kepada manusia selepasnya agar jangan ada Fir'aun kedua dalam sejarah hidup manusia (Yunus: 92)

Kerana Allah menghendaki sifat ini ada dalam setiap tanduk manusia!!


Suatu hari, Abdullah bin Mas'ud pergi ke pasar dengan membawa beberapa keping wang dirham untuk membeli sedikit makanan. Tanpa diduga, ada seorang pencuri mencuri wang-wang dirham itu. Orang-orang yang mengenali Abdullah ibn Mas'ud lalu mengeluarkan kata-kata cemuhan dan laknat kepada pencuri yang telah melarikan diri itu. Namun beliau justeru mengatakan: "Janganlah kamu mendoakan pencuri itu dengan doa-doa nyang tak baik seperti ini! Aku adalah pemilik dirham-dirham yang dicuri itu, aku akan berdoa kepada Allah untuknya dan berharap kamu sudi mengaminkan doaku..."

Beliau kemudian berdoa :

"Ya Allah ! Jika Engkau mengetahui bahwa orang yang mencuri dirhamku adalah orang berhajat padanya, maka berkatilah ia dengan dirham itu dan jika Engkau mengetahui bahwa ia sebenarnya tidak berhajat padanya, maka Ya Allah, jadikanlah ini sebagai perbuatan dosanya yang terakhir yang dilakukan dalam hidupnya..."

Contoh Sifat Rahmah Nabi Yusuf

Catatatan Tuan Muffi
Ustaz Dr Fatris Bakaram
Bertarikh 6 Januari 2017 di Facebook
Dikongsi dengan persetujuan Beliau



Dicemburui dan tidak disenangi adik beradiknya sendiri.

Dicampak ke dalam perigi dan ditinggalkan.

Terpisah daripada ibu bapanya untuk tempoh yang sangat lama.

Dijual beli bagaikan barang dagangan dengan harga yang murah.

Cuba digoda wanita untuk melakukan kecurangan.

Diftnah kononnya bermaksud buruk terhadap isteri tuannya.

Dimasukkan ke dalam penjara untuk bertahun-tahun lamanya.

Semua kesulitan yang ditempuhi Yusuf ini adalah berpunca daripada hasad dengki dan pengkhianatan adik beradiknya sendiri.

Namun Yusuf kemudiannya mendapat kemuliaan pangkat yang besar dan diberi kepercayaan untuk menjaga perbendaharaan negeri Mesir.

Apabila akhirnya ditentukan Allah untuk Yusuf bertemu semula dengan adik beradiknya, beliau dalam keadaan memiliki kedudukan serta kekuasaan, sedangkan mereka dalam keadaan perit memohon daripadanya bantuan makanan.

Yusuf kenal adik beradiknya.

Yusuf ingat kejahatan yang dulu mereka perlakukan terhadapnya.

Yusuf tahu kedengkian merekalah punca segala kesengsaraan yang dilaluinya sekian lama.

Yusuf sedar bahawa dia memiliki kuasa untuk membalas perbuatan khianat mereka.

Saat itu ...

قال لا تثريب عليكم اليوم يغفر الله لكم وهو أرحم الراحمين

"Yusuf berkata: Pada hari ini tiada sebarang celaan ke atas kalian. Allah mengampuni kalian. **Dan Dialah Yang Maha Penyayang di antara sekalian yang penyayang.**"

(Ayat 92 Surah Yusuf)

Setelah Nabi Yusuf bertemu kembali dengan kedua ibu bapanya yang dikasihi dan berkumpul dengan seluruh anggota keluarganya, bukan keperitan yang sibuk diungkit lantaran lama membengkak di hati.

Sebaliknya ...

Kasih Allah yang disanjung tinggi.

Anugerah Allah dan kemurahanNya yang disyukuri.

Bantuan Allah melepaskannya daripada penjara yang dihargai.

Kelembutan Allah dalam mengatur hikmahNya di sebalik segala ketentuan, itu yang terukir indah menghiasi segenap ruang hati.

Tidak menjadikan kepedihan semalam penghambat untuk membina kecemerlangan dengan penuh keyakinan diri.

وَقَدْ أَحْسَنَ بِي إِذْ أَخْرَجَنِي مِنَ السِّجْنِ وَجَاءَ بِكُمْ مِنَ الْبَدْوِ
مِنْ بَعْدِ أَنْ نَزَعَ الشَّيْطَانُ بَيْنِي وَبَيْنَ إِخْوَتِي ۗ
إِنَّ رَبِّي لَطِيفٌ لِّمَا يَشَاءُ ۗ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ،
رَبِّ قَدْ آتَيْتَنِي مِنَ الْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِي مِنْ تَأْوِيلِ
الْأَحَادِيثِ ۗ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنْتَ وَلِيِّ فِى
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۗ تَوْفَّنِي مُسْلِمًا وَأَلْحَقْنِي بِالصَّالِحِينَ

"(Yusuf berkata): Dan sesungguhnya Tuhanku telah berbuat baik kepadaku, ketika Dia membebaskan aku dari penjara, dan ketika membawa kamu dari dusun padang pasir, setelah syaitan merusakkan (hubungan) antaraku dan saudara-saudaraku.

Sesungguhnya Tuhanku Maha Lembut terhadap apa yang Dia kehendaki.

Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Ya Tuhanku, sesungguhnya Engkau telah menganugerahkan kepadaku sebahagian kerajaan, dan telah mengajarkan kepadaku sebahagian ta'bir mimpi. (Ya Tuhan) Pencipta langit dan bumi.

Engkaulah Pelindungku di dunia dan di akhirat, wafatkanlah aku dalam keadaan Islam, dan gabungkanlah aku dengan orang-orang yang saleh."

(Ayat 100-101 Surah Yusuf)

Semoga kita tidak hanya mengimpikan wajah cantik berseri dan tampan menawan seperti Nabi Yusuf, sehingga sibuk membaca Surah Yusuf sekadar untuk itu.

Akan tetapi kita juga ingin menjadi hamba-hamba Allah ...

yang mendambakan sifat mulia seperti yang dimiliki Yusuf,

yang merindui ketabahan dan kekuatan jiwa seperti yang dipunyai Yusuf,

yang tidak berdendam terhadap sesiapa yang pernah mengkhianati kita seperti yang dicontohkan Yusuf,

yang kekal mensyukuri kemurahan anugerah Allah di sebalik segala ujian yang melanda, seperti Yusuf.

Amin.

Bacaan Masyhur



Keizinan membaca Al-Quran dengan pelbagai qiraat menjadikan Al-Quran tersebar dengan cepat di seluruh pelosok dunia dan memberi kemudahan kepada umat Nabi Muhammad SAW yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan bahasa pertuturan untuk membaca Al-Quran. Bacaan mereka disepakati oleh Ulama Qira'at sebagai bacaan yang mutawatir, artinya bacaan yang asli berasal dari nabi Muhammad dari malaikat Jibril dari Allah.



Riwayat bacaan Al-Quran yang tersohor dalam dunia Islam hari ini ialah Riwayat Hafs daripada Imam Asim. Majoriti umat Islam membacanya dan kebanyakan Al-Quran dicetak mengikut riwayatnya.

NAMA

Hafs Bin Sulaiman Bin Al-Mughirah

KINAYAH

Abu Umar

TAHUN LAHIR

90 H

TAHUN WAFAT

180 H

Mengapa riwayat ini masyhur?

01

Khilaf bacaan yang terdapat dalam riwayat ini amat sedikit berbanding riwayat lain.

02

Sanad Riwayat Hafs adalah bersambung daripada beliau hingga kepada Rasulullah SAW tanpa banyak perantaraan.

03

Semua pembawa sanad Riwayat Hafs adalah ulama Al-Quran yang tersohor dan amat dipercayai pada zaman mereka.

04

Beliau menguasai ilmu yang banyak dan menjadi rujukan utama penduduk Kufah.

05

Seorang yang tinggi akhlak dan ilmu Al-Quran. Al-Quran berada dalam dadanya ibarat seperti darah yang mengalir di tubuhnya..

01
ءَاذَكَرَيْنَ
ءَاآَلْنَ
ءَاَللَّهُ

- Al-An'am: 143 & 144
- Yunus: 51 & 91
- Yunus: 59
- An-Naml: 59

Mad Farqi dibaca 2 wajah:
 1. **Ibdal:** Menukarkan Hamzah wasal menjadi Alif dengan kadar 6 harakat dikenali juga sebagai Mad Lazim Kalimi.
 2. **Tashil:** Di antara Hamzah & Alif tanpa harakat.

13
أَلْمُصَيِّطُونَ

- At-Tur: 37
- Huruf Sod dibaca Sod atau Sin, tetapi Sod lebih masyhur.

12
وَيَبْصُطُ
بَصَّطَةً

- Al-Baqarah: 245
 - Al-A'raf: 69
- Huruf Sod dibaca Sin.

02
فِيهِ مَهَانَا

- Al-Furqan: 69
- Ha' Kinayah dibaca 2 harakat.

03
ءَاَعَجِبِي

- Fussilat: 44
- Tahqiq Hamzah pertama & Tashil Hamzah kedua.

04
مَجْرَهَا

- Hud: 41
- Imalah:** Mecondongkan bunyi baris fathah lebih hampir kepada bunyi baris kasrah. Dibaca: *maj-rare-ha*.

05
تَأْمَنَّا

- Yusuf: 11
- 2 bentuk bacaan:**
 1. **Isyham:** Muncung mulut ketika mendengungkan nun dengan kadar 2 harakat.
 2. **Raum:** Bacaan: *ta'manuna*. Membaca 'nu' dengan kadar satu-pertiga harakat.

06
بِسِ الْأَسْمِ

- Al-Hujurat: 11
- Naqal:** Memindahkan baris Hamzah kepada huruf sebelumnya iaitu lam. Dibaca: *bi'salismu*.

07
أَتُونِي

- Al-Ahqaf: 4
 - Yunus: 79
 - Yusuf: 50
- Cara memulakan ayat:** Bunyi Hamzah menjadi bunyi mad 2 harakat.

08
فَمَا آَتْنِي

- An-Naml: 36
- 2 bentuk waqaf:**
 1. Berhenti pada Nun. Dibaca: *aataan*
 2. Berhenti pada Ya'. Dibaca: *aataanii*

10
نَخَلِكُمْ
أَرْكَبَ مَعَنَا
يَلْهَثُ ذَاكَ

- Al-Mursalat :20
 - Hud: 42
 - Al-A'raf: 176
- Idgham:** Menggabungkan bunyi yang bertanda sukun ke dalam huruf berbaris.

09
ضَعْفِي

- Ar-Rum: 54
- 2 bentuk bacaan:**
 1. Dhod berbaris fathah
 2. Dhod berbaris dhommah

11
عَوَجًا قِيَمًا
مِنْ مَرَقَدِنَا هَذَا
وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ
كَلَّا بَلْ رَانَ

- Al-Kahfi: 1 & 2
 - Yasin: 52
 - Al-Qiyamah: 27
 - Al-Muthaffiin: 14
- Saktah:** Tanda Sin kecil. Berhenti sejenak tanpa nafas.

Bacaan-bacaan Khas
Imam Hafs
 Walaupun khilaf dalam riwayat Hafs adalah sedikit namun masih ramai umat islam membacanya tidak mengikut kaedah yang betul. Justeru dapatkan tunjuk ajar dari guru bagi mencapai satu bacaan yang tepat.

Mengundang Rahmat Allah


Ustazah Nurul Huda Mohd Hashim

Diploma Tahfiz & Qiraat Darul Quran JAKIM

Degree & Master Linguistik Arab UPM

Kolumnis A-Z Al-Quran Majalah GenQ Malaysia

Bekas Pelajar Tahfiz Masjid Kampung Siglap



PERTAMA : Iman Dan Tindakan

Iman atau kepercayaan perlu disusuli dengan tindakan jika ingin mengecap rahmat Allah. Setelah iman kuat dan teguh dalam hati, maka sudah pasti kita lebih mudah untuk berhijrah dan bergerak menyebarkan dakwah Islamiyyah serta rela berkorban demi agama yang mulia.

Ia bersesuaian dengan firman Allah: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itulah yang mengharapkan **RAHMAT** Allah, Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (QS. Al-Baqarah: 218)

KEDUA : Ketaataan

Allah menawarkan rahmat kepada hamba-Nya yang setia dan taat dengan perintah serta arahan-Nya dan pesuruh-Nya. Ia jelas dirakam dalam firman "Dan taatilah Allah dan Rasul, supaya kamu diberi **RAHMAT**." (QS. Ali 'Imran: 132)

Selain itu, sebarkanlah kebaikan sebagai salah satu pintu rezeki untuk mengundang rahmat Allah yang melimpah ruah kerana Allah berjanji bahawa: "Sesungguhnya **RAHMAT** Allah sangat dekat dengan orang-orang yang berbuat baik." (QS. Al-A'raf: 56)

KETIGA : Al-Quran

Al-Quran selaku panduan dan manual muslim itu sendiri merupakan rahmat pada manusia. Firman Allah, "Al-Quran ini adalah bukti yang nyata dari Tuhanmu, petunjuk dan **RAHMAT** bagi orang-orang yang beriman (QS. Al-A'raf: 203).

Selain itu, jika ia ditingkatkan dengan memperhatikan dan mentadabbur maka itu adalah langkah dan tindakan yang bijak dan lebih baik. "Dan apabila dibacakan Al-Quran, maka dengarkanlah baik-baik serta perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat **RAHMAT**." (QS. Al-A'raf: 204).

// Hidup tidak pernah sunyi dari cabaran. Sebagai muslim yang percaya dengan qada' dan qadar, rahmat dan kasih sayang Allah sentiasa didamba dan diharapkan.

KEEMPAT : Ujian

Cabaran yang dilalui, musibah yang menimpa dan ujian yang melanda bukan hanya sia-sia. Ia disertai dengan pakej rahmat jika kita redha dan yakin bahawa setiap kejadian ada hikmahnya.

Bertepatan dengan kenyataan Allah yang bermaksud, "Orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata: "inna lillahi wa inna ilaihi rajiun". Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan **RAHMAT** dari Tuhan mereka, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk." (QS. Al-Baqarah : 156 – 157)

KELIMA : Doa

Rahmat dan pengampunan perlu sentiasa diminta kepada Allah. Ia bukan anugerah sekali seumur hidup tetapi berterusan selagi diri bergelar hamba yang menumpang di bumi Allah yang sementara. Mohonlah dengan ikhlas, seperti doa yang diucapkan oleh Nabi Musa a.s: "Ya Tuhanku, ampunillah aku dan saudaraku dan masukkanlah kami ke dalam **RAHMAT** Engkau dan Engkau adalah Maha Penyayang dari semua penyayang." (QS. Al-A'raf:151).

Tambahan lagi, kita merupakan hamba yang selalu leka dan lalai hingga tidak sedar seringkali mengabaikan tanggungjawab, komitmen dan amanah pada diri, keluarga, kerjaya atau agama. Justeru, lazimilah doa ini pada setiap kesempatan yang ada, "Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri. Jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi **RAHMAT** kepada kami, nescaya kami termasuk orang yang rugi." (QS. Al-A'raf: 23)

Hidup tidak pernah sunyi dari cabaran. Sebagai muslim yang percaya dengan qada' dan qadar, rahmat dan kasih sayang Allah sentiasa didamba dan diharapkan. Sebenarnya, terdapat sebanyak 124 kali perkataan rahmat yang direkod dalam Al-Quran. Ia disertakan dengan cara memperolehinya untuk memudahkan insan memilikinya secara eksklusif.

Secara umum, rahmat membawa maksud sifat yang dimiliki Allah yang Maha Mengasihani, Maha Memberkati dan Maha Menganugerahi. Justeru, disenaraikan beberapa tips untuk mengundang rahmat Allah yang diinspirasi dari Al-Quran.

Semoga kita sama-sama dapat mengamalkan tips yang dikongsi untuk meraih rahmat, keberkatan dan ketenangan dalam setiap detik kehidupan. Wallahu A'lam.

Memupuk Sifat Rahmah Khalifah Cilik

Puan Hadijah Abu Bakar
Pengetua Tadika Masjid Kampung Siglap



Sejak ditubuhkan pada tahun 1998, Tadika Masjid Kampung Siglap yang berkonsepkan 'Saya adalah Khalifah Allah di atas muka bumi' sentiasa memastikan cabang dari konsep tersebut iaitu sifat "Rahmah" dijadikan nilai teras yang mendasar di dalam kurikulum. Pendekatan pembelajaran melalui komunikasi dua hala telah membuktikan anak-anak dari Tadika Masjid Kampung Siglap mampu merialisasikan sikap rahmah dalam kehidupan seharian. Sikap rahmah yang disemai pada anak-anak ini, bukan sahaja terhadap diri sendiri dan sesama insan malahan juga terhadap alam persekitaran. Pada tahun lalu (2016) Tadika Masjid Kampung Siglap telah dianugerahkan dengan 'School Green Award' dari Singapore Environment Council atas usahanya memupuk sikap rahmah dalam diri anak-anak terhadap alam sekitar.

// Pada tahun lalu (2016) Tadika Masjid Kampung Siglap telah dianugerahkan dengan 'School Green Award' dari Singapore Environment Council atas usahanya memupuk sikap rahmah dalam diri anak-anak terhadap alam sekitar...



Tips Memupuk Rahmah Khalifah Cilik




Setiap Khalifah cilik harus memahami bahawa mereka mempunyai peranan yang besar untuk menyebarkan RAHMAH.

Rahmah Sesama Saudara

- Didik anak-anak agar berkongsi tanggungjawab seperti mengembalikan apa yang telah digunakan ke tempat asalnya.
- Ajarkan mereka supaya lazim mengucapkan terima kasih sesama saudara agar timbul rasa kasih sayang.
- Ingatkan mereka untuk menggunakan kata-kata yang baik dalam perbualan bagi mewujudkan rasa hormat.
- Mulakan setiap hari dengan mengenal pasti sikap rahmah yang ingin dilakukan sesama saudara agar usaha ini bukan hanya berbentuk sementara.

Rahmah Terhadap Alam Sekitar

- Didik anak-anak akan kesan pembaziran makanan pada alam sekitar dan ianya sangat dilarang di dalam Islam.
- Mulakan di rumah dengan mengumpul barang-barang daripada plastik, kertas dan sebagainya yang boleh dikitar semula.
- Latih mereka menggunakan tong-tong sampah yang dilabel 'Recycling Bin' yang terdapat di merata Singapura.
- Cetuskan idea untuk melakukan aktiviti bersama dengan menggunakan barang-barang yang boleh dikitar semula.



Make the Quran your companion on Earth, and it will be your companion in the Hereafter.

- ▷ **LEARN**
how to read and memorise the Quran with a qualified teacher via a smartphone
- ▷ **LIVE**
one-to-one video calls that suit your schedule
- ▷ **PER-MINUTE**
charges to reduce unnecessary waste of time and resources

WE HAVE OVER 80 QUALIFIED TEACHERS WAITING TO BE MATCHED TO YOU

irecite.sg
 irecite.sg
 www.irecite.sg
 irecite@mks.org.sg
 6243 7060

CHOOSE YOUR PREFERRED PACKAGE!

Online Quran Programme

BASIC RECITATION
Learn from Alif to Ya'

RECITATION WITH TAJWID
Tajwid Theory & Practice

MEMORISE JUZ 30
An-Naba' to An-Naas



AND MORE PROGRAMMES!

REGISTER NOW
www.irecite.sg/join

PENDAFTARAN MASIH DIBUKA!



STAQ

Sijil Tajwid Al-Quran

Kursus terperinci mengenai hukum-hukum Ilmu Tajwid Al-Quran. Merangkumi teori, praktikal dan ujian di akhir setiap modul.

**Tarikh Kemasukan Modul 1
Julai 2017**

- Kelayakan : Lancar bacaan Al-Quran & mempunyai asas Tajwid Al-Quran
- Ahad : 9 pagi - 1 tengahari
- 10 sesi/modul : 2 kali sebulan



DARUL QURAN SINGAPURA
MASJID KAMPUNG SIGLAP

451 Marine Parade Road Singapore 449283
T 6243 7060 F 6441 0634
E info@mks.org.sg www.mks.org.sg

Waktu Khidmat Pejabat
Isnin-Sabtu 8.30pg - 5.30ptg **Ahad** 8.30pg - 12.30tgh
Tutup Pada Cuti Umum



LIKE & FOLLOW kami di
Facebook & Instagram
Darul Quran Singapore

DESIGNED BY : FADDDHO.COM